

Research Article:

Penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan Jawi: Satu Kajian Awal (Mastery of Jawi Content: A Preliminary Study)

Nik Rosila Nik Yaacob¹, Zambri Ahmad² and Nor Hernamawarni Abdul Majid^{1*}

¹School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

²Institusi Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Tuanku Bainun, 14000 Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: norhernamawarni@usm.my

ABSTRACT

A deep understanding of the content of the Jawi subject is crucial for teachers to plan and implement effective and engaging teaching. Teachers with a good grasp of Jawi content and teaching methods can deliver lessons in a way that is easier for students to understand. This study aims to identify the level of mastery Content Knowledge (CK) in the Jawi subject among Jawi Education Teachers (JETs) and to explore the necessity of mastering Content Knowledge (CK) in the Jawi subject among JETs. The study employs an 'Explanatory Mixed Methods Design', combining a quantitative approach through surveys and a qualitative approach through a case study. For the quantitative research, a set of Jawi education CK questionnaires was prepared to obtain the general CK mean of Jawi education teachers. In the qualitative study, three Jawi education teachers currently teaching in primary schools were selected as study participants. Data was collected through questionnaires and in-depth interviews. SPSS 21 software was used to analyse quantitative data to obtain descriptive statistics, while thematic analysis was used to analyse qualitative data. The quantitative study results show that the construct of CK mean of Jawi education teachers is at a high level and very high level. The findings indicate that knowledge of Jawi subject content, Jawi curriculum knowledge, teacher readiness and belief in the Jawi subject are essential for mastering the content of the Jawi subject being taught. Therefore, training on the latest Jawi spelling system and Jawi teaching and learning techniques needs to be intensified by the relevant authorities.

Keywords: Jawi, Teacher, Content Knowledge, Skills

Accepted: 22 June 2024; **Published:** 31 December 2024

To cite this article: Yaacob, N. R. N., Ahmad, Z. & Majid, N. H. A. (2024). Penguasaan pengetahuan isi kandungan Jawi: Satu kajian awal (Mastery of Jawi content: A preliminary study). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 39(2), 365–389. <https://doi.org/10.21315/apjee2024.39.2.18>

ABSTRAK

Pengetahuan mendalam mengenai isi kandungan subjek Jawi adalah penting bagi guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang efektif dan menarik. Guru yang mempunyai pemahaman yang baik tentang kandungan Jawi serta kaedah pengajarannya dapat menyampaikan pelajaran lebih mudah untuk difahami oleh pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan isi kandungan (PIK) subjek Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Jawi (GPJ) dan meneroka keperluan penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) subjek Jawi dalam kalangan GPJ. Reka bentuk kajian ini menggunakan Explanatory Mixed Methods Design yang menggabungkan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan dan kualitatif melalui kajian kes. Bagi kajian kuantitatif, satu set soal selidik PIK pendidikan Jawi telah disediakan untuk mendapatkan min PIK guru pendidikan Jawi secara umum. Dalam kajian kualitatif, tiga orang guru pendidikan Jawi dari sekolah rendah telah dipilih sebagai peserta kajian. Data dikutip melalui soal selidik dan temu bual mendalam. Perisian SPSS 21 digunakan untuk menganalisis data kuantitatif bagi mendapatkan statistik deskriptif, manakala analisis tematik digunakan untuk menganalisis data kualitatif. Dapatan kajian kuantitatif menunjukkan min konteks PIK guru pendidikan Jawi berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan isi kandungan subjek Jawi, pengetahuan kurikulum Jawi, kesediaan guru, dan kepercayaan terhadap subjek Jawi adalah penting untuk menguasai isi kandungan subjek Jawi yang diajar. Oleh itu, latihan mengenai sistem ejaan Jawi terkini serta teknik pengajaran dan pembelajaran Jawi perlu digiatkan oleh pihak berwajib.

Kata kunci: Jawi, guru, Pengetahuan Isi Kandungan, kemahiran

PENDAHULUAN

Tulisan Jawi telah wujud di Alam Melayu lebih seribu tahun. Kedatangan Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab telah mengubah kehidupan masyarakat di Tanah Melayu bukan sahaja dari segi agama dan kepercayaan, tetapi juga dalam konteks budaya masyarakat setempat. Bahasa Melayu turut mengalami proses pengislaman. Di samping pengayaan istilah-istilah dengan kemasukan istilah-istilah Arab/Parsi-Islam. Bahasa Melayu juga telah memperoleh perubahan dari segi kecenderungannya kepada pengaruh Hinduisme dan Sanskrit kepada pengaruh Islam yang lebih bersifat menyeluruh, Islamik, jelas dan logik (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1999). Dalam hal ini, ahli linguistik membahagikan bahasa-bahasa di dunia ini kepada beberapa golongan keluarga mengikut struktur mereka dan hubung kait dalam sejarahnya. Antara yang paling penting dalam kalangan keluarga bahasa tersebut ialah keluarga Semitik. Daripada penyelidikan dan kajian perbandingan, ahli bahasa telah mengemukakan teori yang mengandaikan kewujudan bahasa induk kepada semua bahasa-bahasa Semitik. Bahasa induk tersebut dikenali sebagai Proto-Semitik. Salah satu cabang yang paling penting dari bahasa Proto-Semitik ialah Semitik Selatan-Barat Semitik yang terdiri daripada bahasa Arab Utara, bahasa Arab Selatan dan bahasa Ethiopic (Bakalla, 1984). Tulisan atau skrip Jawi berasal daripada skrip Arab yang kemudiannya diubah suai setelah dibuat beberapa penambahan tertentu. Skrip Arab tergolong dalam keluarga skrip Proto Semitik. Skrip ini melahirkan skrip Semitik Utara yang menurunkan keluarga kecil skrip Aramaik. Skrip Aramaik berkembang kepada skrip Nabataen dan seterusnya melahirkan skrip Arab yang menjadi asas kepada

tulisan Jawi. Kebanyakan pengkaji berpendapat, skrip Arab mulai diadaptasikan sebagai skrip untuk ejaan bahasa Melayu sesudah abad ke-7H/13M (Hashim, 2006). Pendapat ini disandarkan kepada pandangan Fatimi (1963) dan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988) yang menjadikan penemuan Batu Bersurat Terengganu (702H/1303M) yang menggunakan skrip Arab untuk ejaan teks berbahasa Melayu sebagai bukti.

PERKEMBANGAN TULISAN JAWI DI MALAYSIA

Tulisan Jawi mempunyai beberapa fasa perkembangan bermula daripada tulisan Jawi lama hingga ke sistem tulisan Jawi yang diguna pakai pada hari ini. Fasa yang pertama adalah sistem ejaan Arab digunakan sepenuhnya. Pada fasa ini, cara penulisan bahasa Arab digunakan sepenuhnya iaitu dengan menggunakan tanda baris atau diakritik. Diakritik bermaksud tanda baca tambahan pada huruf yang sedikit sebanyak mengubah nilai fonetik huruf tersebut. Tulisan Jawi lama ini menunjukkan tulisan kitab al-Quran telah mempengaruhi cara mengeja perkataan-perkataan bahasa Melayu ataupun rumi pada masa dahulu. Sistem ejaan Arab ini mempunyai kelebihan yang tersendiri iaitu perkataan atau ayat yang ditulis mahupun dieja memudahkan pembaca untuk membacanya dengan betul kerana setiap huruf konsonan jawi ditambahkan dengan tanda baris yang membuatkan tulisan jawi sistem ejaan Arab ini mudah dibaca. Namun sistem ejaan Arab ini mempunyai kelemahan iaitu pembaca atau penulis akan mengambil masa yang lama untuk menulis tulisan Jawi menggunakan sistem ejaan Arab ini kerana penggunaan tanda baris pada setiap perkataan ataupun diakritik. Fasa kedua sistem ejaan baru diperkenalkan iaitu tulisan Arab Gundul iaitu tanda baris pada ejaan dihilangkan. Kelebihan bagi sistem ini lebih mudah untuk ditulis kerana penulis tidak perlu mengambil masa yang lama untuk menulis sesuatu perkataan dan ayat. Tetapi sistem ejaan Arab Gundul ini menyebabkan kesukaran kepada pembaca kerana ketiadaan tanda baris pada perkataan dan huruf jawi dan satu perkataan itu boleh membawa maksud yang berlainan jika tidak dibaca dengan betul. Fasa ketiga ialah dengan menggunakan huruf saksi atau vokal digunakan. Huruf vokal yang dimaksudkan adalah Alif, Wau dan Ya. Huruf vokal diwujudkan untuk memudahkan masyarakat pada masa itu membaca dan menulis. Namun, sistem ini juga mempunyai kekurangan iaitu pembaca masih tidak dapat membaca dengan tepat perkataan yang dituliskan dengan tulisan Jawi yang menggunakan huruf saksi atau vokal ini. Fasa terakhir adalah huruf saksi pada suku kata pertama dan suku kata kedua. Penambahbaikan pada fasa ini dapat menyelesaikan masalah kekeliruan sistem tulisan serta ejaan Jawi pada masa terdahulu. Pada fasa terakhir ini, penggunaan huruf vokal dan saksi masih digunakan dan dikekalkan. Tetapi, penggunaanya berubah iaitu huruf vokal digunakan pada suku kata pertama dan juga digunakan pada suku kata kedua. Hal ini kerana, perkataan dalam bahasa Melayu pada masa itu kebanyakannya terdiri daripada dua suku kata. Namun, pada fasa terakhir ini sistem ejaan dan tulisan Jawi ini, masih juga terdapat kekurangan dan kelemahan iaitu kekurangan huruf vokal bagi menggantikan huruf vokal dalam bahasa Melayu iaitu a, e, i, o dan u. Bagi menambahbaik tulisan Jawi ini, sistem tulisan Jawi Za'aba dan sistem tulisan Jawi yang telah disempurnakan diperkenalkan. Za'ba telah berusaha mengumpulkan kata-

kata Melayu sejak tahun 1918 supaya dapat mewujudkan satu daftar kata Melayu dalam tulisan Jawi berserta dengan padanan ejaan ruminya serta disusun menjadi satu kamus Melayu yang lengkap. Dalam sistem ejaan Za'ba ini, huruf-huruf Jawi diperkenalkan terlebih dahulu, iaitu huruf-huruf yang dipinjam daripada bahasa Arab dan huruf-huruf yang dicipta kemudian. Kemudian, diperkenalkan huruf-huruf *ا و ي* sebagai huruf saksi (vokal) dan huruf (konsonan). Pada peringkat ini bunyi saksi diperkenalkan dan diterangkan dalam bahasa Melayu. Seterusnya, Za'ba memperkenalkan dan menerangkan kaedah ejaan menggunakan baris dan juga huruf. Secara keseluruhannya, kaedah mengeja Jawi diperincikan dan Za'ba telah membahagikan sistem ejaannya kepada dua bahagian iaitu ejaan pada perkataan asal, dan ejaan perkataan bertambah saksi yang terdapat dalam tulisan Melayu huruf Jawi. Pada masakini, pedoman ejaan Jawi yang disempurnakan juga dikenali sebagai fasa modenisasi iaitu sistem ejaan jawi DBP. Sistem ejaan jawi DBP ini telah digunakan sejak tahun 1980 hingga ke hari ini. Pedoman ejaan jawi yang disempurnakan ini digunakan bagi menggantikan ejaan Jawi yang diperkenalkan oleh Za'ba. Bahkan, pedoman ejaan Jawi yang disempurnakan ialah bagi memodenkan sistem ejaan Jawi agar selaras dengan perkembangan ejaan Rumi untuk diperluas dan dipertingkatkan penggunaannya menjadi wahana penulisan bahasa Melayu moden tanpa menghapuskan ciri-ciri khusus sejarah dan budayanya. Proses penyempurnaan ini mengambil kira lima perkara penting iaitu mengekalkan yang sudah kemas, melengkapkan yang kurang, mengadakan yang tiada, menjelaskan yang kabur dan mengemaskan yang longgar. Ciri utama sistem Jawi ini ialah yang paling ketara ialah dengan menitikberatkan ejaan yang lebih spesifik untuk setiap bunyi sebutan huruf agar ia lebih mudah untuk dibaca, dieja dan disebut. Hal ini kerana, setiap huruf rumi yang dijawikan akan lebih tepat ejaannya dengan ejaan rumi yang sebenar (Rasyidah et al., 2019; Hashim, 2006; Wan Ali, 2006; Amat Juhari, 1996; Mohd Alwee, 2005; Hamdan, 2014).

Tulisan Jawi bukan sahaja menjadi tulisan utama di Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Sulu dan Marawi di Filipina, di Selatan Thai, tetapi juga diguna oleh sebahagian kecil penduduk di Sri Lanka iaitu bagi rumpun Melayu (Amirul Faris & Hafizhah, 2023; Syukri, 2020). Sejak wujudnya alatan pencetakqn, peranan tulisan Jawi semakin meluas kerana digunakan oleh penerbit akhbar dan majalah, penulis buku dan risalah dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, di wilayah Selatan Thailand, kepentingan tulisan Jawi telah dikesan ketika Patani muncul sebagai pusat tamadun dan kesusasteraan Melayu Islam pada abad ke-18 Masihi dengan penghasilan kitab-kitab agama bertulisan Jawi yang kekal menjadi rujukan sehingga ke hari ini (Siti Badriyah & Exzayrani, 2015; Amirul Faris & Hafizhah, 2023; Syukri, 2020; Mohd. Alwee, 2005; M. Husnan & Mardiah Mawar, 2018; Abdul Rahman, 2019; Burckhardt, 1976; Zelzy Shahar & Muhamad Suhaimi, 2019). Di Malaysia, tulisan Jawi menjadi sebahagian daripada subjek pendidikan Islam dengan matlamat utama adalah untuk melahirkan murid yang boleh membaca dan menulis Jawi

(Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, 2004). Bagi mencapai tujuan ini, guru-guru yang mengajar pendidikan Islam digalakkan untuk menulis dalam tulisan Jawi semasa mengajar subjek pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah memperuntukkan satu waktu seminggu bagi pengajaran Jawi dalam bilik darjah serta memperkenalkan Program j-QAF di sekolah rendah yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada pengajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan ilmu Fardu Ain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011; Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2004).

Kebolehan membaca dan menulis Jawi amat penting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam kerana isi kandungan buku teks pendidikan Islam ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Kelemahan penguasaan kemahiran menulis Jawi yang betul dalam kalangan sebahagian murid mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap penguasaan Jawi guru pendidikan Islam yang mengajar mereka. Dalam hal ini, pengetahuan isi kandungan subjek juga merupakan satu elemen penting dalam menghasilkan pedagogi pengajaran yang berkesan (Rasyidah et.al., 2019; Nik Rosila, 2007; M. Husnan & Mardiah Mawar, 2018; Ab Halim et. al., 2012). Namun, kajian-kajian terdahulu memberikan lebih tumpuan terhadap amalan pengajaran guru berbanding aspek pengetahuan asas guru dalam mata pelajaran yang diajar (Zalipah, 2011; M. Husnan & Mardiah Mawar, 2018; Amirul Faris & Hafizhah, 2023). Hal yang sama juga turut dinyatakan oleh beberapa penyelidik lain (Shulman, 1986; Jasmine et al., 2024; Sæleset & Friedrichsen, 2021) bahawa kajian yang memfokus kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pengetahuan isi kandungan sesuatu subjek sering diabaikan dalam penyelidikan pendidikan. Oleh yang demikian, kajian awal ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) Guru Pendidikan Jawi (GPJ) di sekolah rendah.

PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN JAWI

Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) adalah satu kefahaman yang mendalam tentang isi kandungan bagi sesuatu subjek dan menepati spesifikasi kurikulum atau sukatan pelajaran. PIK juga dipengaruhi oleh “apa” dan “bagaimana” guru mengajar (Shulman 1987; Sæleset & Friedrichsen, 2021; Jasmine et al., 2024). Guru yang kurang menguasai isi kandungan subjek juga akan memberi kesan kepada wacana dalam bilik darjah. Apabila guru mempunyai maklumat yang tidak tepat atau mempunyai pengetahuan yang cetek tentang isi kandungan subjek, mereka akan menyalurkan maklumat yang kurang tepat kepada murid. Ketinggian tahap penguasaan atau kedalaman ilmu pengetahuan tentang isi kandungan sesuatu mata pelajaran merupakan aset paling utama yang harus dimiliki oleh setiap guru yang berada dalam profesion keguruan (Ab Halim et al., 2012; Mohamad Radhi & Hafizhah, 2021; Ball & McDiarmid, 1990; Ahmad al-Hilmi & Lilia, 2023). Justeru, penguasaan pengetahuan isi kandungan merupakan keperluan asas bagi guru sebelum mengajar. Kekurangan dari segi pengetahuan isi kandungan akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan, penerangan yang menyimpang dan menjejaskan kualiti pengajaran guru (Shulman, 1987; Jasmine et al., 2024).

Dalam konteks pendidikan Jawi, pengetahuan isi kandungan Jawi merujuk kepada pengetahuan guru mengenai kurikulum Jawi dan menggunakan bahan sumber yang berkaitan untuk memudahkan murid memahami Jawi. Dalam sistem pendidikan sekarang, subjek Jawi diajar oleh guru j-QAF di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Sebagai guru yang diberikan tanggung jawab untuk mengajar Jawi, mereka perlu memiliki pengetahuan yang mendalam tentang isi kandungan Jawi serta menguasai ilmu *naqliyyah* serta ilmu *aqliyyah* (Rasyidah et al., 2019; Amirul Faris & Hafizhah, 2023).

Pengetahuan isi kandungan Jawi adalah merujuk kepada pengetahuan dan penguasaan guru dalam sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (EJYD). Sistem EJYD yang digariskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1986 merupakan sistem ejaan yang telah diguna pakai dalam sistem pendidikan khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi di negara ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Sistem EJYD adalah sistem ejaan yang lahir hasil dari kesinambungan sistem ejaan Jawi yang terdahulu iaitu sistem Ejaan Jawi Za'ba yang telah ditambah baik dan dimurnikan dari segi pengkaedahannya. Secara ringkasnya, sistem EJYD mengandungi 37 huruf yang diadaptasi daripada abjad Arab dan ditambah dengan beberapa huruf baru bagi menyesuaikan dengan sebutan dan penulisan dalam bahasa Melayu (Hamdan, 2014; Rasyidah et al, 2019; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008). Hal ini bermakna setiap huruf Jawi mempunyai padanan huruf dengan satu fonem bahasa Melayu. Walaupun terdapat beberapa huruf yang mempunyai bentuk hampir serupa antara satu sama lain, namun ianya dapat dibezakan sama ada melalui bilangan atau kedudukan titiknya. Huruf-huruf Jawi dalam sistem EJYD juga digubal supaya mempunyai peranan dan fungsi tersendiri untuk mengeja sama ada kata jati Melayu, kata serapan daripada bahasa Inggeris (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008; Faisal @ Ahmad Faisal & Faizuri, 2014) atau kata serapan daripada bahasa Arab (Hamdan, 2014)

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) modul Jawi bertujuan agar murid dapat membaca dan menulis Jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis Jawi dengan asas seni khat Jawi. Secara tidak langsung guru perlu menguasai kaedah-kaedah tertentu dalam sistem EJYD seperti hukum Derlung, hukum Rama, ejaan tradisi, homograf, kaedah penomboran dan lain-lain. Hanya setelah guru mempunyai pengetahuan serta menguasai sepenuhnya pengkaedahan sistem EJYD ini, maka barulah guru tersebut dianggap telah menguasai pengetahuan isi kandungan Jawi. Namun, sebahagian GPJ menyuarakan bahawa mereka tidak mempunyai kemahiran yang cukup mengenai sistem ejaan Jawi baru (EJYD) dan terkeliru dengan kaedah ejaan lama (Za'aba). Kekeliruan ini wujud kerana kaedah penulisan Jawi lebih relevan bagi guru yang mengajar bahasa Melayu (Rasyidah et.al., 2019; Amirul Faris & Hafizhah, 2023). Hal ini kerana tulisan Jawi pada asalnya adalah sebahagian daripada bahasa Melayu. Walaupun tulisan Jawi berkait rapat dengan pedagogi bahasa Melayu, GPJ perlu meningkatkan usaha mengupayakan pengajaran dan pembelajaran Jawi di dalam bilik darjah. Faktor guru sebagai perangsang minat murid merupakan asas utama dalam pencapaian murid (Shakila et al., 2018; Syukri, 2020; Che Siah, 2006). Dapatan kajian Salmah (2010) menunjukkan murid kurang berminat atau

tidak menggemari Jawi kerana faktor guru yang kurang pengetahuan dari segi pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan konteks untuk memberi galakan dan rangsangan kepada murid untuk menguasai Jawi. Manakala Muhamad Suhaimi dan Rosimah (2014) mendapati responden kajian mempunyai pengetahuan kandungan yang baik tentang subjek Jawi. Berdasarkan Ujian Korelasi Pearson yang dijalankan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran yang dilaksanakan oleh GPJ. Hasil yang sama ditunjukkan oleh Mohamad Radhi dan Hafizhah (2021) yang menyatakan bahawa tahap kefahaman dan kemahiran GPJ dapat membantu meningkatkan pencapaian murid. Hasil dapatan kajian-kajian ini merumuskan bahawa semakin tinggi penguasaan pengetahuan isi kandungan subjek yang diajar berpeluang untuk meningkatkan keyakinan guru dan memberi kesan baik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan isi kandungan (PIK) subjek Jawi dalam kalangan GPJ.
2. Meneroka keperluan penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) subjek Jawi dalam kalangan GPJ.

MODEL PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN

Kajian ini menggunakan Model Asas Pengetahuan Guru Shulman (1986) dan Model Pengetahuan Guru Grossman (1990). Shulman (1986) telah memperkenalkan model pengetahuan asas guru dengan dengan membahagikannya kepada tujuh elemen iaitu:

1. Pengetahuan isi kandungan yang merujuk kepada pengetahuan guru tentang isi kandungan mata pelajaran yang diajar.
2. Pengetahuan pedagogi am dan khusus yang berkaitan dengan prinsip, pendekatan, strategi, kaedah serta teknik yang berhubung dengan pengurusan pembelajaran, pengurusan bilik darjah serta penilaian.
3. Pengetahuan tentang kurikulum iaitu huraian sukatan pelajaran atau spesifikasi kurikulum serta segala sumber pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan.
4. Pengetahuan pedagogi isi kandungan iaitu gabungan pengetahuan isi kandungan sesuatu subjek atau bidang pembelajaran atau hasil pembelajaran dengan pengetahuan pedagogi.

5. Pengetahuan tentang murid, iaitu kebolehan mengenal pasti tahap pencapaian, gaya pembelajaran, minat, tingkah laku dan seumpamanya.
6. Pengetahuan konteks iaitu bekerja dalam kumpulan, mengetahui tentang pentadbiran dan budaya sekolah.
7. Pengetahuan tentang matlamat, tujuan nilai pendidikan serta asas falsafah dan sejarahnya.

Berdasarkan Model Asas Pengetahuan Guru, Shulman (1987) telah mengembangkan satu kerangka baru untuk pendidikan guru dengan memperkenalkan konsep pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK). Idea ini telah dikembangkan oleh Shulman dalam projek "Knowledge growth in Teaching" sebagai satu model perspektif yang lebih luas untuk memahami proses pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Seterusnya, Shulman (1986) menggambarkan PPIK guru berdasarkan gabungan istimewa di antara pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi lalu terhasil pengetahuan pedagogi isi kandungan. Walaupun model Shulman ini mendapat kritikan terutama dari segi pengetahuan kurikulum dan pengetahuan institusional (Vollmer & Kirsti, 2023), namun pemahaman mengenai pengetahuan isi kandungan kurikulum telah memberikan pencerahan kepada pendidik dan dunia pendidikan (Jasmine et al., 2024; Ahmad Al Hilmi & Lilia, 2023). Model Shulman ini kemudiannya telah dikembangkan oleh Grossman (1990). Dalam Model Pengetahuan Guru Grossman, pengetahuan asas guru terdiri daripada pengetahuan tentang subjek, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan pedagogi isi kandungan, dan pengetahuan konteks. Manakala pengetahuan tentang murid dan pengetahuan konteks pendidikan dikelompokkan dalam komponen pengetahuan konteks. Pengetahuan isi kandungan yang dimaksudkan oleh Shulman dan Grossman ialah pengetahuan yang melibatkan pengetahuan isi kandungan subjek manakala pengetahuan pedagogi am merujuk kepada pengetahuan tentang murid dan pembelajaran, pengurusan bilik darjah, kurikulum dan pengajaran serta pengetahuan tentang subjek-subjek lain yang berkaitan (Sæleset & Friedrichsen, 2021; Ahmad Al Hilmi & Lilia, 2023). Dalam konteks kajian ini aspek Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) menjadi fokus utama.

METODOLOGI

Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk 'Explanatory Mixed Methods Design' yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif dikumpul melalui soal selidik, manakala data kualitatif dikutip melalui temu bual. Penggabungan ini membolehkan data yang diperoleh saling melengkapi (Cresswell, 2005). Untuk memenuhi objektif pertama, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara tinjauan bagi menilai tahap PIK pengajaran Jawi dalam kalangan guru pendidikan Islam.

Bagi memenuhi objektif kedua, pendekatan kajian kes telah digunakan untuk meneroka keperluan penguasaan PIK Jawi dalam kalangan GPJ. Reka bentuk kajian kes dipilih kerana ia sesuai untuk meneroka, mentafsir, dan memahami sesuatu kes secara mendalam, bukan untuk menguji hipotesis (Bogdan & Biklen, 1998). Kajian ini menumpukan kepada satu fenomena atau entiti serta meneroka interaksi faktor-faktor signifikan mengenai ciri-ciri fenomena tersebut (Othman, 2007).

Sampel Kajian

Responden kajian kuantitatif terdiri daripada guru pendidikan Jawi di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Responden dipilih berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan terdiri daripada guru-guru terlatih yang mengajar pendidikan Jawi. Berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi 1,400 orang, saiz sampel yang terlibat adalah 300 orang. Bagi kajian kualitatif, tiga guru dipilih untuk ditemu bual. Pemilihan ini berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam mengajar subjek Jawi di sekolah rendah Pulau Pinang selama lebih 10 tahun. Persampelan bertujuan dipilih mengikut kriteria (Fraenkel et al., 2012) iaitu:

1. Peserta mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam pengajaran Jawi di sekolah rendah Pulau Pinang.
2. Peserta bersedia untuk ditemu bual, dirakam, diperhati, dan membenarkan penyemakan dokumen pengajaran.
3. Peserta bersedia berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan pengajaran Jawi di sekolah mereka.

Instrumen Kajian

Bagi kajian kuantitatif, soal selidik digunakan bagi mengumpul data kajian. Soal selidik ini telah diubah suai oleh pengkaji berdasarkan item soal selidik yang dibentuk oleh Ainon (2016). Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian: latar belakang responden dan PIK pendidikan Jawi. Lima skala likert digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden tentang pengetahuan isi kandungan, pedagogi am, pedagogi khusus dan konteks. Kesahan instrumen ditentukan oleh lima pakar, termasuk tiga pensyarah berpengalaman, dan dua orang guru subjek Jawi. Bagi mengukur kebolehpercayaan, soal selidik ini telah diberikan kepada 30 orang guru subjek Jawi. Nilai *Cronbach Alpha* keseluruhan ialah 0.929. Nilai ini dianggap baik dan menunjukkan bahawa item soal selidik yang digunakan boleh dipercayai (Sidek, 2002).

Instrumen bagi data kualitatif ialah teknik temu bual individu. Menurut Sidek (2002), teknik temu bual individu adalah untuk orang perseorangan dan dengan itu maklumat yang bersifat lebih personal boleh diperoleh. Temu bual juga membolehkan responden memberi respon yang lebih bebas dan mendalam tanpa malu dan curiga. Oleh yang

demikian, temu bual ini dilakukan dalam bentuk temu bual mendalam. Kajian ini menggunakan protokol temu bual yang telah dibina untuk menjadi panduan dalam proses temu bual yang dijalankan. Proses temu bual dengan responden dipandu berdasarkan inventori protokol temu bual yang telah disahkan oleh tiga pensyarah pakar bidang. Dalam kajian ini, proses kesahan dan kebolehpercayaan diperoleh melalui persetujuan peserta kajian (*member checking*), penelitian rakan sekerja (*peer review*) dan juga semakan pakar. Prosedur meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian dilaksanakan bagi mendapatkan persetujuan responden apabila melibatkan data dan interpretasi dapatan kajian dengan merujuk kepada responden untuk diperiksa bagi membolehkan mereka mengesahkan ketepatan dan kebenaran maklumat dan laporan kajian (Merriam, 2009). Persetujuan ini untuk menyediakan bukti bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan. Sekiranya responden bersetuju dengan transkripsi temu bual dan pemerhatian, mereka perlu menandatangani borang persetujuan yang disediakan sebagai pengesahan.

Analisis Data

Dalam kajian ini, statistik deskriptif digunakan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) untuk mendapatkan nilai min bagi tahap persetujuan tentang PIK dalam kalangan guru-guru pendidikan Jawi sekolah rendah. Min bagi komponen PIK menggambarkan tahap penguasaan responden dikategorikan mengikut persepsi responden, iaitu sangat tinggi (min 4.30 hingga 5.00); tinggi (min 3.50 hingga 4.29); sederhana (min 2.70 hingga 3.49); rendah (min 1.90 hingga 2.69) dan sangat rendah (min 1.00 hingga 1.89) (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2016).

Proses penganalisan data kualitatif terbahagi kepada dua peringkat, iaitu peringkat semasa dan peringkat selepas proses pengumpulan data. Dalam kajian ini, data diproses mengikut cadangan langkah-langkah sintesis bagi kaedah analisis kandungan (*content analysis*) mengikut Miles dan Huberman (1994) dan melalui tiga langkah prosedur iaitu penyaringan data, membuat kesimpulan dan penyemakan dalam menentukan pembentukan kategori atau tema.

Etika Kajian

Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Pengkajian Pendidikan (BPPP) KPM sebelum kutipan data dilakukan. Kebenaran juga telah diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi membolehkan kutipan data dilakukan di sekolah-sekolah yang terletak di bawah pentadbiran JPNPP dan seterusnya kebenaran daripada guru besar bagi membolehkan maklumat daripada guru-guru sekolah dapat diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Data Kuantitatif

Jadual 1. Pengetahuan isi kandungan peserta kajian mengikut taburan item

Item	STB	TB	KS	S	SB	Min (SP)	TP
Konstruk 1: Pengetahuan tentang subjek pendidikan Jawi							
1. Saya mengetahui isi kandungan subjek pendidikan Jawi secara umum.	1 (0.3%)	6 (1.9%)	7 (2.2%)	176 (55.7%)	126 (39.9%)	4.42 (0.40)	Sangat tinggi
2. Subjek pendidikan Jawi mengandungi komponen mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis.	0 (0%)	1 (0.3%)	3 (0.9%)	140 (44.3%)	172 (54.4%)		
3. Penguasaan semua komponen subjek pendidikan Jawi penting kepada guru pendidikan Jawi.	0 (0%)	0 (0%)	5 (0%)	93 (40%)	218 (60%)		
4. Pengetahuan saya tentang isi kandungan subjek pendidikan Jawi mencukupi untuk membantu saya mengajar.	0 (0%)	3 (0.9%)	29 (9.2%)	199 (63%)	85 (26.9%)		
Konstruk 2: Pengetahuan tentang Kemahiran Pendidikan Jawi							
5. Kemahiran pendidikan Jawi merangkumi kemahiran menulis, membaca dan khat.	0 (0%)	1 (0.3%)	12 (3.8%)	173 (54.7%)	130 (41.1%)	4.06 (0.42)	Tinggi
6. Semua kemahiran yang terdapat dalam pendidikan Jawi diberi penekanan yang seimbang dalam Kurikulum Pendidikan Jawi.	0 (0%)	0 (0%)	33 (10.4%)	193 (61.1%)	90 (28.5%)		
7. Saya mahir dengan sistem ejaan Jawi yang digunakan oleh kementerian.	0 (0%)	1 (0.3%)	61 (19.3%)	218 (69%)	34 (10.8%)		
8. Penguasaan saya dalam kemahiran pendidikan Jawi adalah mencukupi.	0 (0%)	4 (1.3%)	82 (25.9%)	197 (62.3%)	33 (10.4%)		

(Bersambung)

Jadual 1 (Sambungan)

Item	STB	TB	KS	S	SB	Min (SP)	TP
Konstruk 3: Tujuan pengajaran Pendidikan Jawi							
9. Saya mengetahui tujuan pengajaran pendidikan Jawi.	0 (0%)	0 (0%)	10 (3.2%)	215 (68%)	91 (28%)	4.31 (0.41)	Sangat tinggi
10. Saya mengetahui kepentingan pengajaran pendidikan Jawi.	0 (0%)	0 (0%)	6 (1.9%)	189 (59.8%)	121 (38.3%)		
11. Pendidikan Jawi perlu dipelajari oleh murid-murid untuk memahami Islam.	0 (0%)	3 (0.9%)	20 (6.3%)	150 (47.5%)	143 (45.3%)		
12. Saya mengetahui objektif sukatan pelajaran subjek pendidikan Jawi.	0 (0%)	0 (0%)	10 (3.2%)	207 (65.5%)	99 (31.3%)		
Konstruk 4: Pengetahuan tentang matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Jawi							
13. Saya mengaitkan tajuk pelajaran pendidikan Jawi yang lepas dengan tajuk pelajaran yang akan dipelajari.	0 (0%)	0 (0%)	15 (4.7%)	213 (67.4%)	88 (27.8%)	4.14 (0.44)	Tinggi
14. Saya mengetahui perkaitan antara sesuatu tajuk pelajaran pendidikan Jawi dengan mata pelajaran lain.	0 (0%)	2 (0.6%)	31 (9.8%)	221 (69.9%)	62 (19.6%)		
15. Saya mengetahui topik-topik yang terdapat dalam isi kandungan sukatan pelajaran pendidikan Jawi.	0 (0%)	1 (0.3%)	27 (8.5%)	218 (69%)	70 (22.2%)		
Konstruk 5: Pengetahuan tentang isi kandungan, tajuk dan Kemahiran kurikulum Pendidikan Jawi							
16. Saya mengetahui kemahiran-kemahiran yang terkandung dalam sukatan pelajaran.	0 (0%)	2 (0.6%)	29 (9.2%)	210 (66.5%)	75 (23.7%)	4.10 (0.48)	Tinggi
17. Saya mengetahui perkaitan antara topik-topik pelajaran pendidikan Jawi dalam sukatan pelajaran.	0 (0%)	1 (0.3%)	28 (8.9%)	223 (70.6%)	64 (20.3%)		
18. Saya menyusun isi kandungan yang terdapat dalam sukatan pendidikan Jawi agar mudah difahami.	1 (0.3%)	2 (0.6%)	37 (11.7%)	211 (66.8%)	65 (20.6%)		
19. Saya menggabung jalin kemahiran-kemahiran pendidikan Jawi mengikut sukatan pelajaran pendidikan Jawi.	0 (0%)	1 (0.3%)	27 (8.5%)	224 (70.9%)	64 (20.3%)		

Nota: SP = Sisihan piawai; STB = Sangat Tidak Setuju; TB = Tidak Bersetuju; KS = Kurang Setuju; S = Setuju, SB = Sangat Bersetuju; TP = Tahap Pengetahuan

Jadual 1 menunjukkan maklum balas yang diperoleh daripada responden berkaitan komponen pengetahuan isi kandungan berdasarkan taburan item. Daripada jadual tersebut didapati, kebanyakan pernyataan item soalan responden berada pada setuju dan sangat bersetuju. Tahap pengetahuan isi kandungan (PIK) responden dilihat berdasarkan 5 konstruk item iaitu pengetahuan tentang subjek pendidikan Jawi, pengetahuan tentang kemahiran pendidikan Jawi, tujuan pengajaran pendidikan Jawi, pengetahuan tentang matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Jawi dan pengetahuan tentang isi kandungan, tajuk dan kemahiran kurikulum pendidikan Jawi. Daripada lima konstruk terdapat dua konstruk yang berada di antara min 4.30 dan 5.00 iaitu tahap PIK sangat tinggi. Konstruk tersebut ialah pengetahuan tentang subjek pendidikan Jawi dengan nilai min 4.42 dan konstruk tujuan pengajaran pendidikan Jawi dengan nilai min 4.31 manakala tiga konstruk lagi berada di antara min 3.50 dan 4.29 iaitu tahap tinggi.

Data Kualitatif

Sesi temu bual dilaksanakan bagi tema pengetahuan Isi kandungan menghasilkan empat dapatan sub-tema iaitu pengetahuan subjek pendidikan Jawi, pengetahuan kurikulum, kesediaan guru dan kepercayaan guru pendidikan Jawi.

Sub-tema 1: Pengetahuan isi kandungan subjek Jawi

Pengetahuan subjek Jawi meliputi komponen mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis. Semua responden menyedari kepentingan menguasai isi kandungan pendidikan Jawi. GPJ1 menyatakan bahawa pendidikan Jawi merupakan komponen utama dalam mata Pelajaran Pendidikan Islam. Responden menjelaskan bahawa beberapa kemahiran yang perlu di kuasai guru iaitu mengeja, menyebut dan menulis suku kata seperti yang terkandung dalam petikan temu bual ini:

Tentang **pengetahuan Jawi** aa... sebenarnya pendidikan Jawi merupakan satu **komponen dalam Pendidikan Islam**..dalam pendidikan Jawi ada beberapa komponen dan dalam komponen ada beberapa contohnya macam huruf Jawi tunggal **mengeja suku kata menyebut dan menulis suku kata**...(GPJ1)

GPJ2 dan GPJ3 juga bersetuju dengan GPJ1 dengan menambah beberapa kemahiran lain iaitu mengenal dan membaca. Kemahiran-kemahiran tersebut dinyatakan dalam petikan temu bual seperti berikut:

Err.. ada berapa komponen sebagai contoh **mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis**, tu komponen- komponen yang ada dalam pendidikan Jawi lah...(GPJ2)

Komponen-komponen terdapat dalam Pendidikan jawi iaitu **mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis**..(GPJ3)

Hasil analisis data temu bual juga mendapati responden mempunyai pandangan masing-masing terhadap aras kesukaran setiap kemahiran tersebut dimulai dengan kemahiran yang paling mudah sehinggalah kepada kemahiran yang sukar untuk fahami dan kuasai oleh murid mengikut tahun masing-masing. Kemahiran yang paling mudah ialah mengenali huruf-huruf Jawi asas dan yang paling sukar ialah kemahiran menulis ayat dan perkataan. Kesukaran kemahiran menulis dijelaskan oleh GPJ2 dengan katanya bahawa perbezaan kedudukan huruf sama ada di depan, di tengah, dan di hujung akan mengubah bentuk huruf tersebut. Bukti penjelasan GPJ1 dan GPJ2 adalah sebagai berikut:

Bagi saya sebagai pelaksana bagi saya yang **paling senang mengenal huruf Jawi** terutama tahun satu disokong dengan pendekatan kaedah dan teknik semua tu memudahkan saya untuk mengajar Jawi **yang susah tu menulislah**..bahagian penulisan bila menulis lah.. **menulis ayat, perkataan**.. kalau yg terbaru tahun 3 semakan menulis teks mudah..(GPJ1)

Yang **paling mudah adalah mengenal** lah. Mengenal ni bagi saya dia err.. tahap minimumlah. Kenal ni tak mestinya dia boleh sebut..(GPJ2)

Yang saya rasa secara peribadi yang **agak susah nak kuasai** adalah **menulis** la kerana bezalah tulisan jawi ni dia berbeza **kedudukan huruf bila didepan, ditengah, dan dihujung**..(GPJ2)

Manakala GPJ3 pula berpandangan tahap kesukaran sesuatu kemahiran bergantung kepada darjah atau tahun murid berkenaan. Sebagai contoh, bagi murid tahun satu komponen yang paling susah adalah untuk mengenali huruf-huruf Jawi dan bagi tahap dua, komponen yang paling sukar ialah untuk menulis.

Kalau macam saya ajar **tahap satu, kalau susah** budak jah satu ni, dia lebih kepada **mengenal huruf** lah, dia tak kenal huruf depa tak boleh membaca. ... bila kata **tahap dua** depa mengenal dah huruf dan depa dah tau dah nak membaca, tapi **jadi susah** tahap dua bila depa nak **menulis** pulak..(GPJ3)

Dapatan menunjukkan semua responden bersetuju bahawa menulis merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai oleh keseluruhan murid berbanding kemahiran membaca. Kemahiran menulis melibatkan keupayaan menulis huruf hijaiyyah, menulis imbuhan awalan, menulis perkataan dan membentuk ayat, menulis suku kata, membina perkataan seperti dalam petikan-petikan temu bual berikut:

Menulis semula teks tu aaa yang tu memang **paling susah**..tulis **imbuhan, suku kata...huruf hijaiyyah**.. (GPJ1)

Kemahiran membaca kurang sebab.. tu la..**baca boleh, tulis tak boleh...tulis teks pendek** ka..kes-kes dia kan..baca boleh cuma sangkut sikit-sikit pinjaman bahasa inggeris.. itu simple saja...(GPJ1)

Membaca maksudnya murid bila dia dah kenal tadi...huruf dan sebagainya a.. dia **lebih mudah untuk baca berbanding dengan menulis** ni... seperti **bina ayat, imbuhan..** (GPJ2)

Menulis lah, kalau membaca ni budak boleh kuasai, kenal huruf InshaAllah **membaca tak dak masalah** sangat..(GPJ3)

Sub-tema 2: Pengetahuan kurikulum Jawi

Pengetahuan mengenai isi kandungan kurikulum pendidikan Jawi sekolah rendah merangkumi aspek matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Jawi, tajuk-tajuk bagi setiap unit dan kemahiran, dan sistem ejaan Jawi yang diguna pakai sekarang. Secara umum, responden tidak dapat menyebutnya secara tepat matlamat kurikulum Pendidikan Jawi. Mereka merumuskan bahawa matlamat dan objektif Pendidikan Jawi dalam KSSR adalah untuk menunjukkan kepada murid bahawa Jawi adalah lambang kesenian dan lambang warisan umat Melayu. Dapatan ini dinyatakan seperti berikut:

Tujuan diajar Jawi ni sebagai tulisan jawi seperti yang saya kata tadi **sebagai lambang kesenian** dan err.. lambang warisan kita umat Melayu...(GPJ2)

Selain itu, GPJ2 juga menyatakan matlamat mempelajari pendidikan Jawi adalah untuk memudahkan murid menguasai dan memahami aspek-aspek dalam mata pelajaran pendidikan Islam seperti Ulum Syariah dan Tilawah al-Quran.

Supaya pelajar dapat menguasai pelbagai mata pelajaran dalam Pendidikan Islam sebagai contoh kalau boleh jawi, inshaAllah kita mudah untuk belajar err... **tilawah al-Quran** selepas tilawah al-Quran, mudah kita nak belajar subjek-subjek **ulum Syariah** err.. yang ada aqidah Ibadah dan sebagainya... (GPJ2)

Responden GPJ3 pula menyatakan matlamat mempelajari pendidikan Jawi bagi murid-murid sekolah rendah adalah untuk memastikan tulisan Jawi akan kekal dan tidak akan pupus ditelan zaman dan menarik minat murid untu belajar Jawi.

Supaya jawi tidak pupus la kalau kita tak ajaq di sekolah dimana lagi generasi-generasi akan datang nak kenal jawi kalau tak di sekolah, kalau di rumah dak dah sudah tentu tidak sebab dah di sekolah pun kita nampak budak kurang berminat bagi dia , dia rasa macam susah jawi ni.. terus depa pun macam kurang minat kita cikgu nak kena pelbagaikan kaedah nak tarik **minat depa untuk nak belajar jawi..** (GPJ3)

GPJ1 berpandangan matlamat utama pendidikan Jawi ini adalah untuk memastikan murid-murid dapat menguasai komponen-komponen yang terdapat dalam kurikulum pendidikan Jawi sekolah rendah seperti mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis Jawi.

Murid menguasai komponen-komponen lah dalam pendidikan Jawi contoh **murid dapat mengenal, mengeja, menyebut membaca dan menulis Jawi**. Yang keduanya murid menguasai membaca membina dan menulis Jawi walaupun mengenal Jawi asas, membaca perkataan dan ayat pendek dan membaca teks... (GPJ1)

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan responden mengenai matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Jawi adalah bersifat umum.

Sub-tema 3: Kesediaan guru

Dari segi kesediaan guru, dapatan menunjukkan responden mempunyai kesediaan dalam aspek pengetahuan isi kandungan pendidikan Jawi berdasarkan kelas yang diajar iaitu GPJ1 mengajar tahun tiga dan lima, GPJ2 mengajar tahun satu dan GPJ3 mengajar tahun satu dan dua. Memandangkan pengajaran Jawi memerlukan guru-guru menguasai kaedah penulisan Jawi terkini iaitu Pedoman Ejaan Yang Disempurnakan (PEJYD), maka guru perlu menguasainya dengan baik. Hal ini dinyatakan oleh GPJ1 dan GPJ3 bahawa didalam sistem PEJYD dijelaskan mengenai kaedah penulisan Jawi yang terkini. Oleh itu, menjadi kewajipan bagi setiap GPJ menguasai sistem PEJYD bagi mengelak kesilapan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dinyatakan dalam petikan temu bual dengan GPJ1, GPJ2 dan GPJ3, iaitu:

Bagi saya kalau **penguasaan sistem ejaan jawi jawi DBP baharu...** yang tu **wajib kuasai sebab dalam tu ada kaedah...** kalau guru tak kuasai kaedah memang kalau nak mengajar akan timbul sedikit kesukaran... (GPJ1)

Saya rasa memang perlu sangat, **kalau cikgu tak dak ilmu jawi ni payah qasanya nak ajaq budak**, sebab la ni pun **jawi macam-macam dah ubah kaedah dia kan...** (GPJ3)

Guru yang perlu mengajar dalam satu bidang tu dia mesti ada ilmu ataupun pengetahuan dalam bidang tu lah. Sebagai contoh jawi, **mesti guru tu mahir dalam jawi...** (GPJ3)

Hasil kajian juga mendapati GPJ1 mempunyai kepakaran yang sangat baik tentang kaedah penulisan Jawi. Hal ini disebabkan beliau seringkali memberi kursus Jawi kepada guru-guru pendidikan Islam. GPJ1 juga merupakan jurulatih pendidikan Jawi pada peringkat kebangsaan dan negeri:

Kalau **dibagi percent tu 90% - 95% insyaallah sebabnya saya memberi kursus kepada guru pendidikan Islam**. Saya terlibat memberi kursus, saya juga merupakan JU negeri untuk KSSR tahun tiga, empat dan lima dan bila diberi amanah untuk menyampaikan ceramah penataran, saya akan ambil slot jawi lah.. sebab saya rasa benda tu yang saya kuasai... (GPJ1)

Manakala GPJ2 dan GPJ3 pula berpendapat ilmu berkaitan pengkaedahan tulisan Jawi masih lagi belum mencukupi dan kursus mengenainya perlu digembelngkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan temu bual berikut:

Saya rasa diri saya sendiri pun **tahap penguasaan saya bukan sampai 100 peratus lagi** la. Mungkin kalau dari segi peratus mungkin **sekitar 80 peratus** saja, a.. masih banyak lagi er.. kekurangan dalam diri saya sendiri berkaitan dengan pengajaran untuk tulisan jawi ni ... (GPJ2)

Saya rasa **kurang mencukupi, ejaan jawi yang terkini saya kadang kala tersilap jugak**, tertulis kadang-kadang alif ada yang tak dak alif terletak alif, kadang-kadang kedudukan hamzah **kadang-kadang tersilap** jugak hmm... macam tu la kalau.. kurang **saya rasa perlu mengikuti kursus lagi la...** (GPJ3)

Bagi mengatasi masalah dalam menguasai sistem ejaan Jawi terkini, GPJ2 dan GPJ3 mengambil inisiatif tersendiri untuk membuat persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan iaitu dengan merujuk dokumen standard pembelajaran terlebih dahulu, menguasai isi kandungan tajuk yang hendak diajar, mengenal pasti kaedah yang bersesuaian dengan isi kandungan serta merujuk dan berbincang dengan guru-guru lain termasuk guru subjek Pendidikan Islam. Dapatan ini dibuktikan melalui analisis temu bual berikut:

Pertama sekali saya **kena rujuk** la apa dalam apa **dokumen standard pembelajaran dan juga apa.. isi kandungan** tu.. **saya akan menguasai** lah yang macam tu huruf-huruf tunggal maksudnya saya dah set disitu dah ada berapa huruf sebagai contoh ada tujuh huruf "Alif" sampai "Kha" misalnya jadi saya kuasai dan juga saya cuba caqi kaedah- kaedah yang boleh senang ajar kepada murid dan murid faham... (GPJ2)

Semestilah dengan kawan-kawan yang sama dengan kita, kawan-kawan **cikgu-cikgu yang mengajaq Jawi.. guru-guru Pendidikan Islam** lah terutamanya akan dibincangkan dan juga **dibincangkan bersama cikgu subjek lain yang mengajar**, contoh saya **bincang dengan cikgu tahap satu...** (GPJ3)

Dari aspek kesediaan guru pula didapati min terhadap konstruk pengetahuan tentang kemahiran pendidikan Jawi nampaknya GPIJ2 dan GPIJ3 merasakan mereka masih perlu memantapkan lagi kemahiran berkaitan kaedah penulisan Jawi.

Sub-tema 4: Kepercayaan terhadap subjek Jawi

Kepercayaan terhadap pendidikan Jawi merangkumi aspek kepercayaan terhadap subjek pendidikan Jawi dan kepercayaan terhadap pengajaran pendidikan Jawi. Dapatan menunjukkan responden mempunyai kepercayaan yang berbeza-beza terhadap subjek pendidikan Jawi. GPJ1 berpendapat Jawi adalah satu warisan dan ianya bukanlah suatu yang susah untuk dikuasai. Sebaliknya kesungguhan daripada pihak guru untuk menyampaikan

kemahiran ini kepada murid dengan cara yang terbaik amatlah penting. Manakala GPJ2 dan GPJ3 pula menyakini bahawa tulisan Jawi perlu diteruskan dan dipelihara kerana ianya adalah lambang kesenian dan identiti masyarakat Islam di Malaysia serta menggalakkan generasi muda untuk mencintai dalam arus pemodenan kini. Hal ini terangkum dalam petikan temu bual berikut;

Saya sebagai seorang yang **cintakan jawi** sebagai satu **warisan**..sebenarnya jawi tu tak susah pun.. ada cara macam mana nak memudahkan murid..nak memahamkan murid **sebenarnya kalau guru tu rajin**, cari ilmu cari cara utk memudahkan murid tu **insyaallah benda tu tak susah mana pun...**(GPJ1)

Ya satu yang perlu lah bagi saya, **perlu diteruskan dan perlu dikekalkan** tulisan jawi ni sebab seperti mana kita tahu **tulisan jawi ni adalah lambang kesenian atau identiti kita umat islam** khususnya di Malaysia, ... zaman raja-raja dulu pun perjanjian -perjanjian ditulis dalam tulisan jawi, kemudian kitab-kitab rujukan khususnya dalam bidang agama ditulis dalam jawi jadi ia perlu dikekalkan dan **perlu dipertahankan tulisan jawi ni...** (GPJ2)

Zaman dulu-dulu memang gah la, kalau jawi di Malaysia ni kan, semua akhbar-akhbar dalam tulisan jawi dan kita memang guna sepenuhnya jawi bila **zaman yang dah moden** ni jawi kita utamakan rumi dan **tulisan jawi ni ketinggalan**, jadi anak-anak muda, budak-budak lapis bawah ni dah macam tak tau dah jawi tu apa, kalau tak diajar di sekolah saya rasa, memang pupus.. nak **memartabatkan semula jawi** kan... (GPJ3)

Bagi aspek kepercayaan terhadap ciri-ciri guru yang mengajar pendidikan Jawi yang baik, GPJ1, GPJ2 dan GPJ3 sepakat menyatakan bahawa guru perlulah menguasai ilmu pengetahuan berkaitan Jawi iaitu dari segi penguasaan ilmu Jawi seperti suku kata dan bilangan huruf-huruf Jawi dan penguasaan kaedah Jawi seperti kaedah penulisan dan sistem ejaan baru. Malahan GPJ3 menyarankan agar guru-guru menghadiri kursus atau bengkel yang bagi meningkatkan kompetensi dalam Jawi. Hal ini dibuktikan dalam petikan-petikan berikut:

Bagi saya **guru mestilah menguasai semua ilmu Jawi**, contohnya kalau guru tidak **menguasai suku kata terbuka tertutup**, bagaimana dia nak ajar budak, guru tak mengetahui berapa **bilangan huruf Jawi tunggal** macam mana nak mengajar. Ilmu Jawi penting, wajib kuasai ilmu Jawi...(GPJ1)

Guru yang perlu mengajar dalam satu bidang tu dia **mesti ada ilmu ataupun pengetahuan** dalam bidang tu lah. Sebagai contoh jawi, mesti guru tu **mahir dalam jawi** a.. kalau kurang mahir maka kita perlulah diadakan seminar atau pun **kursus-kursus jawi untuk memantapkan guru- guru yang mengajaq jawi** er.. supaya apa yang disampaikan tu lebih... lebih memberi manfaat kepada murid dan juga boleh memudahkan murid fahamlah...(GPJ2)

Saya rasa memang perlu sangat, kalau cikgu tak dak ilmu jawi ni payah nak ajar budak, sebab la ni **pun jawi macam-macam dah ubah kaedah** dia kan, zaman kita dulu biasa macam.. bila masuk mai ke zaman la ni, dia ada buang alif ada yang tak dak alif, satgi ada tambah hamzah, kedudukan hamzah, jadi kita dulu letak ja kat mana, kita boleh baca an.. mai dengan zaman la ni.., cikgu memang kena belajar la...(GPJ3)

Bagi penguasaan ilmu pendekatan pengajaran Jawi, GPJ1 berpendapat setiap guru perlu berusaha untuk menguasainya bagi membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, dapat mengubah persepsi sebahagian golongan bahawa Jawi susah untuk dipelajari. Petikan temu bual tersebut ialah;

Guru perlu **sentiasa belajar dan mencari kaedah-kaedah** yang boleh diaplikasi dalam PdP Jawi sebab kita tak mahu pendapat yang **mengatakan penulisan Jawi susah...**(GPJ1)

Pandangan GPJ1 ini disokong oleh GPJ3 dengan memfokus kepada 2 dimensi iaitu guru perlu sentiasa meningkatkan interaksi dengan murid dan guru perlu mengetahui aras pencapaian setiap murid yang diajarnya. Dalam hal ini, GPJ3 menyarankan agar guru hendaklah banyak menggunakan kaedah bermain terutama bagi murid yang lemah dari segi kefahaman dan pencapaiannya. Contohan-contohan bahan konkrit dapat membantu kefahaman murid yang berprestasi rendah dalam Jawi. Petikan temubual berikut menjelaskan kenyataan GPJ3:

Cikgu jawi ni.. **kena banyak main kot dengan budak**, sekadar duduk di depan budak mengajaq saya qasa budak, kalau **budak yang memang ceqedik pandai inshaAllah depa boleh**, kalau budak yang jenis..budak kan macam-macam pelbagai depa nih, pelbagai depa punya kaedah dan kita kena.. saya lebih suka dengan budak, kalau nak ajaq bentuk huruf ni, saya suka habaq bentuk ni macam apa, baqu depa ingat di otak depa nih, **“Ba” ni macam pinggan** kalau kata an kena habaq, kalau budak macam ceqedik tak yah dok ceqita dah benda tu, **kalau budak macam lambat sikit ni ha kita kena habaq ni macam pinggan**, “Ya” ni macam itik, kena habaq bagi depa imagine benda tu macam apa macam apa InshaAllah depa ingat...(GPJ3)

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan kajian, didapati kesemua responden menyedari kepentingan menguasai pengetahuan isi kandungan subjek Jawi. Mereka dapat menjelaskan komponen dan kemahiran yang terdapat di dalam standard kandungan subjek Jawi sekolah rendah. Malah, masing-masing mempunyai persepsi tersendiri terhadap komponen subjek Jawi iaitu komponen yang paling mudah di kuasai murid dan komponen yang paling susah difahami murid.

PERBINCANGAN

Dapatan kuantitatif menunjukkan penguasaan Jawi dalam kalangan GPJ berada pada tahap yang sangat tinggi bagi konstruk Pengetahuan tentang Subjek Pendidikan Jawi, Pengetahuan tentang Kemahiran Jawi dan Tujuan Pengajaran Pendidikan Jawi. Manakala bagi konstruk Pengetahuan Matlamat dan Objektif Pendidikan Jawi dan Pengetahuan Isi Kandungan, Tajuk dan Kemahiran Pendidikan Jawi berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa GPJ menunjukkan pemahaman yang mendalam tentang subjek pendidikan Jawi. Hal ini bermakna mereka memiliki pengetahuan asas yang tinggi mengenai sejarah, budaya, dan konteks penggunaan tulisan Jawi. Kekuatan ini penting untuk memastikan pengajaran yang berkesan dan bermakna kepada pelajar. Penguasaan kemahiran Jawi yang tinggi menunjukkan bahawa GPJ mampu menulis, membaca dan memahami tulisan Jawi dengan baik. Ini adalah kemahiran penting yang diperlukan untuk mengajar pelajar dengan tepat dan cekap. Kefahaman yang sangat baik tentang tujuan pengajaran pendidikan Jawi menunjukkan bahawa GPJ jelas dengan objektif pengajaran mereka.

Hal ini bermakna GPJ boleh merancang dan melaksanakan kurikulum dengan fokus yang tepat, memastikan murid memahami tujuan pembelajaran dan kepentingan tulisan Jawi. Dapatan ini selari dengan dengan teori Shulman (1989) dan Grossman (1990) iaitu kepentingan menguasai pengetahuan isi kandungan. Dapatan ini juga mengukuhkan model Grossman yang memperluaskan struktur pengetahuan isi kandungan dengan menekankan kepada aspek pengendalian dan penstrukturan pengetahuan dalam konteks yang lebih praktikal. Hal yang sama turut dinyatakan oleh sarjana Muslim iaitu al-Ghazali (2007). al-Ghazali menjelaskan bahawa bagi mendapatkan kepercayaan penuh atau *thiqah* daripada para murid, guru perlu menguasai ilmu, kemahiran dan memahami kesediaan murid. Malahan, guru hendaklah mengajar secara berperingkat (*tadrij*), memerhatikan tahap kemampuan akal murid dan sesuatu mata Pelajaran hendaklah dimulai dengan aras yang paling rendah sehingga yang tertinggi. Hasil kajian ini juga selari dengan keperluan dalam kurikulum Jawi sekolah rendah yang menggariskan beberapa kualiti penting perlu dimiliki oleh GPJ selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Amirul Fariz & Hafizhah, 2023; Mohamad Radhi & Hafizhah, 2021).

Dapatan ini memberi gambaran bahawa penguasaan isi kandungan Jawi GPJ adalah amat memuaskan. Sehubungan dengan ini, pengukuhan penguasaan Jawi perlu digembelingkan bagi memastikan subjek Jawi dapat diangkat ke persada antarabangsa. (Naquiah & Jimaain, 2018; M. Husnan & Mardhiah Mawar, 2018). Hal ini menggambarkan suatu tindakan proaktif perlu dimainkan oleh pihak-pihak yang memperjuangkan tulisan Jawi. Selain daripada persidangan dan seminar, Komuniti Pembelajaran Profesional Serantau (KPPS) perlu dibentuk dengan matlamat yang lebih berfokus dan terarah disamping bimbingan berterusan daripada pihak berautoriti. Sokongan daripada KPPS ini dapat mewujudkan suatu kerjasama dalam menambah baik kurikulum Jawi dan dapat menyediakan sumber tambahan bagi subjek Jawi.

Hasil analisis temu bual memberikan gambaran yang pelbagai mengenai penguasaan pengetahuan isi kandungan Jawi. Kesemua responden bersetuju bahawa terdapat lima kemahiran asas bagi GPJ perlu kuasai iaitu mengenal, mengeja, menyebut, membaca dan menulis. Susunan kemahiran ini sesuai dengan objektif yang terkandung dalam DSKP Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Kesemua responden kecuali responden GPJ1, bersetuju bahawa menulis merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai terutama bagi menulis teks dan perkataan. Hal ini berlaku sedemikian kerana isu kefahaman mengenai kaedah sistem ejaan Jawi yang standard. Isu sistem ejaan Jawi turut di bangkitkan dalam sub-tema Kesyukuran Guru. Hasil kajian ini memberikan bukti empirikal yang boleh digunakan oleh pembuat dasar dalam Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai dan memperbaiki kurikulum Jawi di sekolah rendah terutama dari segi pengkaedahan. Dengan demikian, bengkel-bengkel berkaitan penyelarasan kaedah ejaan Jawi perlu di perkemaskan melalui penyelarasan pengejaan dan penyebutan sesuatu perkataan dengan menggunakan Sistem Ejaan Jawi, Sistem Ejaan Rumi dan Sistem Sebutan Baku Bahasa Melayu disamping menambah kuantiti perbendaharaan kata dalam kamus ejaan Jawi. Bengkel-bengkel dan latihan yang berkala ini juga turut disarankan oleh responden bagi memperkukuhkan kepercayaan terhadap subjek Jawi (sub-tema 4).

Responden kajian juga menekankan agar teknik dan alatan bantuan pengajaran Jawi dapat dipelbagaikan bagi memudahkan kefahaman murid. Hal yang sama dinyatakan dalam kajian-kajian lepas (Amrina et al., 2021; Mohamad Radhi & Hafizhah, 2021; Zarima et al., 2016). Oleh kerana subjek Jawi tergolong dalam komponen subjek pendidikan Islam dan bahasa Melayu, pengajaran Jawi dengan berbantuan huruf Rumi amat signifikan terutama bagi murid lemah. Walaupun kaedah ini telah dikenal pasti beberapa tahun ke belakang, namun pelaksanaan konsep ini perlu diperluaskan dan di nyatakan secara eksplisit dalam DSKP Jawi.

Sejajar dengan perkembangan teknologi, aplikasi pengajaran dan pembelajaran Jawi seharusnya dapat dipelbagaikan bersesuaian dengan peringkat umur dan aras pemahaman murid (Amrina Rasyada et al., 2021; Norizan & Nor Azan, 2012). Pada masa kini, banyak peralatan dan perisian Jawi terdapat di pasaran, namun penggunaannya secara telus dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi masih bergantung kepada kesedaran GPJ sendiri. Hal ini dinyatakan dalam dapatan temu bual. Oleh yang demikian, sebahagian alatan bantu mengajar seperti ini boleh dicadangkan dan disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia secara terus agar penggunaannya dapat diseragamkan pada peringkat sekolah. Dalam hal ini, pembangunan profesional berterusan bagi GPJ diperlukan untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan integrasi teknologi. Peningkatan kemahiran guru melalui latihan dan bengkel adalah kritikal untuk memastikan pendekatan pengajaran yang inovatif dan efektif.

CADANGAN

Kajian awal ini boleh menjadi asas kepada kajian-kajian masa depan yang bertujuan meneliti aspek-aspek lain dalam pengajaran Jawi, seperti kaedah pengajaran yang lebih spesifik,

penggunaan teknologi dalam pengajaran Jawi, atau kajian perbandingan antara daerah atau negeri yang berbeza. Salah satu bidang yang boleh diterokai ialah kaedah pengajaran khusus, keberkesanan pelbagai kaedah pengajaran seperti penggunaan alat multimedia, aktiviti interaktif, dan pengajaran berbeza boleh diteliti. Selain itu, integrasi teknologi juga perlu dikaji untuk mengkaji impak alat teknologi yang berbeza terhadap hasil pembelajaran Jawi murid. Penggunaan teknologi dalam bilik darjah boleh menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan, serta membantu murid menguasai kemahiran menulis dan membaca Jawi dengan lebih baik. Di samping itu, kajian perbandingan di negeri juga perlu dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan regional dalam pengajaran dan hasil pembelajaran Jawi. Hal ini dapat membantu dalam memahami konteks dan cabaran unik yang dihadapi di kawasan yang berbeza serta mencari penyelesaian yang sesuai. Kajian longitudinal juga penting untuk mengesan kemajuan penguasaan Jawi dalam kalangan murid dari masa ke masa, memberi gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan dan keberkesanan program pengajaran yang digunakan. Dengan mengambil kira perspektif murid dalam penyelidikan akan memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang cabaran dan kejayaan yang dihadapi dalam pembelajaran Jawi, serta membantu dalam merangka strategi pengajaran yang lebih responsif terhadap keperluan dan keadaan murid.

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diambil perhatian. Pertama, saiz dan kepelbagaian sampel yang terhad mungkin menyekat kesimpulan umum kajian ini, sementara kekurangan kepelbagaian dalam kalangan responden juga boleh mempengaruhi kebolehpercayaan hasil kajian. Selain itu, kebergantungan pada data lapor diri daripada GPJ boleh mengundang bias dalam penilaian penguasaan Jawi, sehingga menyebabkan responden mungkin cenderung untuk melebih-lebihkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Ketiadaan data langsung daripada murid juga merupakan satu kelemahan, kerana maklum balas langsung dari murid dapat memberikan gambaran yang lebih seimbang tentang keberkesanan kaedah pengajaran Jawi.

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan pandangan berharga tentang penguasaan Jawi dalam kalangan Guru Pendidikan Jawi, menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran mereka dalam Jawi berada pada tahap yang memuaskan, terutamanya dalam memahami subjek, kemahiran pengajaran dan objektif pengajaran. Kajian ini mendedahkan bahawa walaupun GPJ mempunyai penguasaan yang baik dalam Jawi, terdapat keperluan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan integrasi alat teknologi untuk meningkatkan pemahaman murid, terutamanya dalam kemahiran menulis. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan kepentingan melengkapkan guru dengan kemahiran dan alat yang diperlukan untuk menyampaikan pengajaran Jawi yang berkesan, dengan itu memenuhi matlamat pendidikan dan usaha pemeliharaan budaya di Malaysia.

RUJUKAN/REFERENCES

- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal At-Thaqafah*, 2(2). 53–63. <https://doi.org/10.7187/GJAT232012.02.02>
- Abdul Rahman Yamsi. (2019). Hala tuju tulisan Jawi di Selatan Thailand: Kajian di sekolah menengah agama rakyat. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Al Hilmi Mohammad Salleh, & Lilia Halim. (2023). Pelaksanaan pendidikan STEM: Pengetahuan pedagogi isi kandungan, sikap, kemahiran pedagogi dan penilaian guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002146. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2146>
- Ainon Wazir. (2016). Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru bahasa Arab sekolah rendah [Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2007). *Ihya ulum al-Din (Siri 3)* (Tengku Ismail Yaakob, Trans.). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan bahasa sejarah aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirul Faris Razali, & Hafizhah Zulkifli. (2023). Kaedah pengajaran buta huruf jawi dan huruf hijaiyyah dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian [Teaching methods for Jawi and hijaiyyah script illiteracy among daily secondary school students]. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 7(2), 10–21. <https://doi.org/10.37231/mjis.2023.7.2.224>
- Amrina Rasyada Kamaruzaman, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, & Rabi'atul Athirah binti Muhammad Isa @ Oma. (2021). Jawi writing in al-Quran and al-Sunnah subject at secondary school: Issues and challenges. *Jurnal al-Turath*, 6(2), 78–88. <https://doi.org/10.17576/turath-2021-0602-09>
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. (2004). *Buku panduan pelaksanaan model-model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bakalla, M. H. (1984). *Arabic culture: Through its language and literature*. London: Routledge.
- Ball, D. L., & McDiarmid. G. W. (1990). The subject matter preparation of teachers. In W. R. Houston, M. Haberman, & J. Sikula (Eds.). *Handbook of research on teacher education*. New York: Macmillan.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research for educational: An introduction to theory and method*. New York: Allyn & Bacon.
- Burckhardt, T. (1976). *Art of Islam, language and meaning*. London: Islamic Festival Trust Ltd.
- Che Siah Che Man. (2006). *Pendekatan pengajaran Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cresswell, J. W. (2005). *Education research: Planning, Conducting and evaluating qualitative and quantitative research* (2nd ed.). New Jersey: Pearson.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Daftar kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (Vol. I and II). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal, & Faizuri Abdul Latif. (2014). sejarah perkembangan tulisan Jawi: Analisis mengenai teori Kang Kyoung Seok. *Jurnal al-Tamaddun*, 9(2), 1–15. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol9no2.1>
- Fatimi, S. Q. (1963). *Islam comes to Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N.E., & Hyun, H. (2012). *How to design and evaluate research education* (8th ed.). New York: McGraw Hill International.
- Grossman, P. L. (1990). *The making of teacher: Teacher knowledge and teacher education*. Canada: Teacher College Press.
- Hamdan Abdul Rahman. (2014). Panduan menulis dan mengeja Jawi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2006). *Sejarah perkembangan tulisan Jawi* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmine Jain, Lee Yee Ling, & Mok Shu Jin. (2024). A systematic review of pedagogical content knowledge for teaching nature of Science. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 20(1), 138–151. <https://doi.org/10.24191/ajue.v20i1.25738>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R. Y., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30, 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- M. Husnan Lubis, & Mardiah Mawar Kembaren. (2018). Tulisan Jawi: Jambatan masa ke masa silam dan usaha pelestariannya. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6, 61–73.
- Merriam, S. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. New York: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). SAGE Publications, Inc.
- Mohamad Radhi Mohamad Yusoff, & Hafizhah Zulkifli. (2021). Tahap kefahaman dan kemahiran Pengajaran matapelajaran Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 14–21. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.87>
- Mohd Alwee bin Yusoff. (2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21, 23–38.
- Muhamad Suhaimi Taat, & Rosimah Ibrahim. (2014). *Hubungan penguasaan Jawi dengan proses pengajaran guru di sekolah rendah Negara Brunei Darussalam* [Paper presentation]. Prosiding Seminar ICIED 2014, 1–11.
- Naquiah Nahar, & Jimaain Safar. (2018). Penguasaan pengetahuan kandungan: Pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 8(1), 45–59.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian murid dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 22, 161–172.
- Norizan Mat Diah, & Nor Azan Mat Zin. (2013). Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal*, 9(2), 28–38.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan method*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rasyidah Ibrahim, Rahimah Embong, Firdaus Khairi Abdul Kadir, & Huda Afiqah Hashim. (2019). Pemerkasaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (BITARA)*, 2, 46–57.
- Sæleset, J. & Friedrichsen, P. (2021). Pre-service Science teachers' pedagogical content knowledge integration of students' understanding in Science and Instructional Strategies. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 17(5), 1–18. <https://doi.org/10.29333/ejmste/10859>
- Salmah Ismail. (2010). Kemahiran tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah menengah: Kajian kes di sebuah sekolah di Daerah Pasir Gudang. Unpublished Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Mikdar Rusdi, & Mohd Hisyam Abdul Rahim. (2018). e-tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 10(1), 57–62. <https://doi.org/10.30880/jts.2018.10.01.007>
- Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14. <https://doi.org/10.3102/0013189X015002004>
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof, & Exzayrani Sulaiman. (2015). Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 15, 8–16.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (1988). *The oldest known Malay manuscript: A 16th century Malay translation of the Aqa'id of Al-Nasafi*. Department of Publications, Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. (1999). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: ABIM.

- Syukri Rizki. (2020). Nurturing Jawi through education: Mirroring Jawi education in Aceh and Malaysia. *The Indonesian Journal of Southeast Asian Studies*, 3(2), 217–230.
<https://doi.org/10.22146/ikat.v3i2.45276>
- Vollmer, H. J., & Kirsti, K. (2023). Pedagogical content knowledge and subject didactics: An international dialogue? In F. Ligozat, K. Kirsti, & J. Almqvist (Eds.), *Didactics in a challenging world: European perspective on teaching, learning and the curriculum* (pp. 17–30) Sweden: Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-031-20810-2_2
- Wan Ali Wan Mamat. (2006). Sejarah dan pertumbuhan skrip Jawi. In Muhammad Bukhari Lubis, Fatimah Salleh, Husniyati Ali, Huzaimah Ismail, & Siti Fatimah Sudin (Eds.), *Tulisan Jawi sehimpunan kajian*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Zalipah Zakaria. (2011). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) guru Biologi permulaan dan berpengalaman: Satu kajian kes. Unpublished Master's thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zarima Mohd Zakaria, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Fatimah Sou Yan Mei, Mohd Hilmi Abdullah, & Saipolbarin Ramli. (2016). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) guru bahasa Arab sebutan konsonan Arab: Kajian kes di sekolah rendah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(5), 122–138.
- Zelzy Shahar Al-Johary, & Muhamad Suhaimi Taat. (2019). Hubungan penguasaan jawi dan kurikulum dengan proses pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam. *Borneo International Journal of Education (BIJE)*, 1, 92–98.
<https://doi.org/10.51200/bije.v1i.1779>